

UPM dalam senarai ke-41 terbaik dunia

Serdang: Universiti Putra Malaysia (UPM) tersenarai dalam kedudukan ke-41 terbaik dunia dalam penarafan UI-Greenmetric World University Ranking 2014 yang diterbitkan baru-baru ini, atas usaha melestarikan kampus dan pengurusan alam sekitar.

Inisiatif penarafan yang diterajui Universitas Indonesia itu dimulakan pada tahun 2010 dan berjaya menarik penyertaan 360 universiti dari 62 negara berbanding 301 dari 61 negara pada tahun 2013.

Penarafan kelestarian alam sekitar ini meliputi enam skop utama iaitu infrastruktur yang mewakili 15 peratus markah keseluruhan, tenaga dan perubahan cuaca (21%), sisa buangan (18%), air (10%), pengangkutan (18%) serta pendidikan (18%).

Ketika diminta mengulas mengenai kejayaan itu, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan (**gambar**) menyifatkan kejayaan itu didorong komitmen UPM terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar melalui pelbagai aktiviti pengajaran, penyelidikan, kurikulum serta sistem pengurusan kualiti berteraskan pengurusan alam sekitar berkesan.

Katanya, UPM mencatatkan peningkatan terutama dalam indikator pengangkutan dan infrastruktur seperti saiz dan infrastruktur keluasan kawasan hijau selain penggunaan tenaga cekap selain peningkatan fasiliti serta penggunaan basikal dalam kampus.

